

IKLAN JAWATAN KOSONG



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 merupakan sebuah institusi kebangsaan hak asasi manusia yang dipertanggungjawabkan untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkeelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

Jawatan	PENOLONG SETIAUSAHA GRED 41 PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
Tanggagaji	RM2,422.00 dan elaun sebanyak RM900.00 sebulan
Taraf Jawatan	Tetap (Tidak Berpencen)
Bertempat di	Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)
Kelayakan	<ol style="list-style-type: none">i. Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam bidang Undang-undang atau mana-mana bidang setaraf dari universiti dan pusat pengajian yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;ii. Kelebihan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan mempunyai pengetahuan praktikal mengenai hak kanak-kanak terutamanya dalam sistem perundangan berkaitan kanak-kanak di Malaysia dan triti hak asasi manusia antarabangsa seperti Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak;iii. Memiliki kemahiran dalam penyelidikan dan menganalisis isu-isu semasa;iv. Mempunyai kemahiran dalam penulisan laporan dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;v. Kredit dalam Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) dan Bahasa Inggeris di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya; danvi. Mampu bekerja secara berpasukan dan di bawah penyeliaan yang minimal.

Tanggungjawab Penolong Setiausaha Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak akan bertanggungjawab antara lain, untuk tugas-tugas berikut:

- i. Membantu dalam membangunkan dan melaksanakan Pelan Kerja tahunan serta perbelanjaan Pejabat Pesuruhjaya Pesuruhjaya Kanak-Kanak;
- ii. Membantu menyediakan kertas dasar dan laporan penyelidikan yang dapat mempengaruhi dasar dan undang-undang kerajaan berkaitan dengan isu hak asasi manusia, terutamanya hak kanak-kanak;
- iii. Membantu merancang dan menganjurkan seminar, konferen dan perbincangan meja bulat dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang berkaitan dengan isu-isu hak kanak-kanak;
- iv. Membantu mewujudkan rangkaian dan hubungan baik dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi kerajaan, organisasi masyarakat sivil, sektor swasta dan orang awam secara keseluruhan; dan
- v. Mewakili Suruhanjaya semasa mesyuarat berkaitan dengan kerja di Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak.

Kekosongan 1 kekosongan
Jawatan

Cara Memohon

Bagi calon-calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat diri beserta salinan sijil-sijil akademik dan salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) sebelum atau pada **21 Oktober 2022 (Jumaat)** kepada:

**Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
Laman Web: www.suhakam.org.my
(U.P.: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sebelah penjuror kiri sampul surat. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.